



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

**REKABENTUK PERABOT MEJA PENCERAMAH DI MASJID UMK
BERIDENTITIKAN BUDAYA KELANTAN MENGGUNAKAN TEKNIK EPOXY**

Oleh

KHAIDIL BIN ISMAIL

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif
dengan Kepujian
(Rekabentuk Perindustrian)


**FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN UNIVERSITI
MALAYSIA KELANTAN
2021**

PERAKUAN


Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja-kerja yang terkandung dalam laporan ini adalah hasil daripada penyelidikan asal dan tidak pernah digunakan untuk ijazah yang lebih tinggi kepada mana-mana universiti ini

**AKSES TERBUKA**

Saya bersetuju bahawa laporan saya akan dibuat secara sedia sebagai Salinan keras atau tidak dapat dilihat dengan akses terbuka (teks penuh)

**SULIT**

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972).

**TERHAD**

(Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan).

Saya mengaku bahawa pihak Universiti Malaysia Kelantan berhak seperti berikut:

1. Laporan ini adalah harta Universiti Malaysia Kelantan.
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Perpustakaan mempunyai hak untuk pertukaran antara institusi pengajian

Di sahkan Oleh:



Tandatangan

Nama: KHAIDIL BIN ISMAIL

Tarikh:

Tandatangan Penyelia

Nama: **JARFIKULHIZAM BIN JAAPAR**

Pensyarah

Tarikh: 18/2/2021

Program Pendidikan Kreatif dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan, Kampus Bachok,

Bag. Berkunci No.03

16300 Bachok, Kelantan.

PENGHARGAAN

Assalamualaikum dan salam sejahtera,

Alhamdulillah syukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurnia-Nya dapat saya menyiapkan tugas penelidikan dengan jayanya. Saya ingin merakamkan jutaan terima kasih dan setinggi-tinggi penghargaan terhadap penyelia saya en. Jarfrulhizam bin Jaafar kerana telah banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar dalam menyempurnakan projek akhir ini. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih terhadap pihak pengurusan fakulti Teknologi Kreatif terutamanya kepada pensyarah-pensyarah Universiti Malaysia Kelantan.

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada kedua ibu bapa saya dan keluarga saya iaitu Ismail bin Hassan dan ibu saya Rahmah@Ramlah binti Muhammad. Mereka adalah tulang belakang saya dan pencetus semangat saya dalam menyiapkan projek akhir saya.

Seterusnya saya juga ingin mengucapkan kepada sahabat-sahabat seperjuangan saya yang telah banyak membantu saya sepanjang proses menyiapkan kajian projek akhir **ini**.

ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
PERAKUAN	1
PENGHARGAAN	2
ISI KANDUNGAN	3
ABSTRAK	10
ABSTRACT	11
BAB 1: PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	12
1.2 Penyataan masalah	13
1.3 Persoalan Kajian	13
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Kepentingan kajian	14
1.6 Batasan kajian	14
BAB 2: KAJIAN LITERATUR	
2.1 Pengenalan	16
2.2 Warisan Kelantan	16
2.3 Jenis-jenis warisan Kelantan	17
2.3.1 Alat muzik	17-19

2.3.2	Senibina	19-20
2.3.3	Permainan	21-22
2.4	Inovasi sedia ada	22-24
2.5	Masjid UMK	24
2.6	Epoxy	25
2.6.1	jenis-jenis epoxy	25-27
2.7	Meja penceramah	28
2.7.1	Memilih meja penceramah terbaik	28
2.7.2	Penyampaian yang bersemangat	29
2.8	Rekabentuk sedia ada	30
2.9	Memilih meja penceramah terbaik	31
2.10	jenis bahan pembuatan meja penceramah	31
2.10.1	Kayu	31

BAB 3: METOLOGI KAJIAN

3.0	Pengenalan	32
3.1	Rekabentuk penyelidikan	32
3.2	Kualitatif	34
3.3	Kaedah penyelidikan	34
3.3.1	Pemerhatian	34
3.3.2	Kaedah temubual	35
3.3.3	Cadangan rekabentuk	35
3.4	Rumusan	35

BAB 4 : DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Peringkat penyelidikan	36
4.2 Analisis pemerhatian	36
Rajah 4.2.1 Ruangan hadapan Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan	37
4.3 Kaedah Temubual	37-40
4.4 Proses Rekabentuk	41
4.5 Lakaran Idea Awal	42
Rajah 4.5.1 Idea 1	43
Rajah 4.5.2 Idea 2	43
Rajah 4.5.3 Idea 3	44
Rajah 4.5.4 Idea 4	44
Rajah 4.5.5 Idea 5	45
Rajah 4.5.6 Idea 6	45
Rajah 4.5.7 Idea 7	46
Rajah 4.5.8 Idea 8	46
Rajah 4.5.9 Idea 9	47
Rajah 4.5.10 Idea 10	47
Rajah 4.5.11 Idea 11	48

Rajah 4.5.12 Idea 12	48
Rajah 4.5.13 Idea 13	49
Rajah 4.5.14 Idea 14	49
Rajah 4.5.15 Idea 15	50
Rajah 4.5.16 Idea 16	50
Rajah 4.5.17 Idea 17	51
Rajah 4.5.18 Idea 18	51
Rajah 4.5.19 Idea 19	52
Rajah 4.5.20 Idea 20	52

4.6 Perkembangan Idea dan Produk Akhir

Rajah 4.6.1 Perkembangan idea 1	53
Rajah 4.6.2 Perkembangan idea 2	54
Rajah 4.6.3 Perkembangan idea 3	55
Rajah 4.6.4 Perkembangan idea 4	56
Rajah 4.6.5 Perkembangan idea 5	55
Rajah 4.6.6 Perkembangan idea 6	58
Rajah 4.6.7 Perkembangan idea 7	59

Rajah 4.6.8 Perkembangan idea 8 60

Rajah 4.6.9 Perkembangan idea 9 61

Rajah 4.6.10 Perkembangan idea 10 62

4.7 Lukisan Teknikal

Rajah 4.7.1 Lukisan teknikal 63

4.8 Model 3D

Rajah 4.8.1 Pembangunan model 3D menggunakan perisian Solidwork 64

Rajah 4.8.2 Menggunakan perisian Keyshot untuk meletakkan kemasan pada produk 64

4.9 cara pembuatan meja penceramah epoxy

Rajah 4.9.1 65

Rajah 4.9.2 65

Rajah 4.9.3 66

Rajah 4.9.4 66

Rajah 4.9.5 67

Rajah 4.9.6 67

Rajah 4.9.7 68

Rajah 4.9.8	68
Rajah 4.9.9	69
Rajah 4.9.10	69
Rajah 4.9.11	70
Rajah 4.9.12	70
Rajah 4.9.13	71
Rajah 4.9.14	71
4.10 mockup dan model meja penceramah	73-74
4.11 Kaedah soal selidiK	
Rajah 4.11.1 Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan Jantina	75
Rajah 4.11.2 Peratusan bilangan 53 respponden berdasarkan umur	75
Rajah 4.11.3: Peratusan bilangan 53 respponden berdasarkan bangsa	76
Rajah 4.11.4: Peratusan bilangan 53 respponden berdasarkan Pengetahuan apa itu meja penceramah.	76
Rajah 4.11.5: Peratusan bilangan 53 respponden berdasarkan apa itu warisan	77
Rajah 4.11.6: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan	77

pengetahuan identiti warisan Kelantan.

Rajah 4.11.7: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan 78

minat terhadap rekabentuk meja penceramah.

Rajah 4.11.8: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan 79

kesinambungan motif warisan Kelantan dengan

rekabentuk masjid.

4.12Analisis SWOT 80

4.13 Rumusan 81

Bab 5 : kesimpulan

5.1 Pengenalan 82

5.2 Cadangan dan penambahbaikan 82

5.3 Hasil kajian 83-84

Rujukan 85-86

Panel 87

ABSTRAK

Meja penceramah merupakan sesuatu produk yang memainkan satu peranan yang sangat penting dalam sesebuah masjid kerana ia merupakan produk yang wajib ada bagi kelengkapan masjid. Meja penceramah ini sering dijadikan elemen utama untuk keselesaan menyampaikan ceramah di masjid. Namun di Pusat Islam yang terletak di Universiti Malaysia Kelantan tidak mempunyai produk seperti meja penceramah. Objektif kajian ini adalah mengkaji masalah rekabentuk di masjid yang mana tidak menitikberatkan identiti warisan Kelantan yang kini semakin ditelan zaman. Kajian ini juga mengkaji keistimewaan warisan Kelantan yang boleh diterapkan di sesuatu produk agar ia dapat dimartabatkan sepanjang masa. Namun kebanyakan meja penceramah yang direka tidak menggunakan elemen warisan dan hanya merekabentuk menggunakan teknik asas sahaja. Metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui data primer dan sekunder. Sebanyak 96.2% yang mengetahui apa itu rekabentuk warisan yang mana maka jelaslah ramai yang mengetahui rekabentuk ini tetapi tidak diterapkan dalam sesuatu rekaan dan mengakibatkan ia semakin dilupakan oleh masyarakat. Kesimpulannya rekaan meja penceramah yang beridentitikan warisan Kelantan dan dikontemporarikan menggunakan teknik epoxy dapat memberi impak yang positif serta perubahan terhadap rekaan perabot di masjid Universiti Malaysia Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

ABSTRACT

The speaker table is a product that plays a very important role in a mosque because it is a mandatory product for mosque equipment. This speaker's table is often used as a key element for the convenience of delivering a talk in a mosque. However, the Islamic Center located at Universiti Malaysia Kelantan does not have a product such as a speaker table. The objective of this study is to examine the design problems in mosques which do not emphasize the identity of Kelantan's heritage which is now being swallowed up by time. This study also examines the special features of Kelantan's heritage that can be applied to a product so that it can be dignified at all times. Yet most of the designed speaker tables do not use heritage elements and are only designed using basic techniques only. The research methodology used in this study is through primary and secondary data. As many as 96.2% know what a heritage design is, so it is clear that many people know this design but it is not applied in a design and as a result it is increasingly forgotten by society. In conclusion, the design of the speaker table that identifies with Kelantan's heritage and is contemporary using epoxy techniques can give a positive impact as well as changes to the furniture design in the mosque of Universiti Malaysia Kelantan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Rekabentuk merupakan perekaan memperhitungkan aspek fungsi, estetika dan berbagai idea bagi menginovasi produk. Rekabentuk perabot yang terdapat di Masjid Universiti Malaysia Kelantan (UMK) seperti meja kopi, almari al-quran, rak kasut, dan bangku. Kebanyakannya di bahagian sudut dalam masjid tidak dilengkapi perabot yang sesuai seperti yang menjadi isu adalah bahagian sudut penceramah yang tidak dilengkapi meja tujuan penyampaian ceramah. Pada awalnya masjid di UMK ini tidak dilengkapi meja penceramah dan hanya menggunakan rehal bagi alat bantuan penyampaian ceramah. Namun di dalam masjid ini setiap perabot kurang menitikberatkan identiti Kelantan seperti dari segi rekabentuk dan ukiran. Bagi tujuan merekabentuk perabot yang beridentitikan Kelantan bagi mengetengahkan budaya dan teknik rekaan yang semakin lama dilupakan oleh masyarakat masa kini. Dengan adanya rekaan meja penceramah ini dapat melengkapkan aktiviti penyampaian keilmuan dengan selesa. Terdapat beberapa idea dari segi rekaan dan kelengkapan perabot iaitu merekabentuk meja penceramah yang sesuai dengan menerapkan identiti Kelantan yang menggunakan teknik rekabentuk berasaskan dari sudut alat muzik, permainan dan senibina yang terdapat di Kelantan. Rekabentuk dari segi material yang ingin diterapkan ialah menggunakan teknik epoxy bagi menambahbaik rekaan meja penceramah di masjid beridentitikan budaya Kelantan adalah satu pendekatan untuk tujuan inovasi yang bertujuan penyelesaian suatu masalah dengan matlamat mencipta produk yang berinovasi baru.

1.2 PENYATAAN MASALAH

Perkembangan yang pesat pada zaman ini telah membawa suatu masalah iaitu kurangnya pembawaan identiti warisan Kelantan dalam reka bentuk sesebuah perabot di Kelantan. Reka bentuk perabot pada masa kini juga kurang menonjolkan sifat-sifat yang terdapat pada identiti warisan Kelantan.

- I. Rekabentuk perabot di Kelantan kini kurang menggambarkan identiti warisan Kelantan.
- II. Keperluan perabot khas bagi penceramah untuk menyampaikan ceramah kuliah harian ataupun kuliah mingguan di masjid.
- III. Kurangnya pendedahan mengenai teknik rekabentuk menggunakan epoxy yang boleh diterapkan dalam rekabentuk perabot.

1.3 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini menumpukan pada kajian sebenar. Penekanan diberi terhadap rekabentuk perabot yang sesuai untuk mengaplikasikan rekabentuk yang beridentitikan warisan Kelantan. Pada permulaannya, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti perabot yang sesuai diaplikasi teknik tradisional Kelantan ini serta merekabentuk perabot tersebut mengikut spesifikasi yang ditetapkan untuk semua golongan penceramah di masjid. Kajian ini akan merujuk kepada persoalan kajian seperti berikut:

- I. Apakah permasalahan rekabentuk perabot di Masjid Umk?
- II. Apakah keistimewaan ciri-ciri identiti warisan untuk diterapkan dalam rekabentuk meja penceramah di masjid?
- III. Apakah teknik epoxy yang sesuai terhadap meja penceramah yang beridentitikan warisan Kelantan?
- IV. Apakah rekabentuk perabot penceramah yang sesuai beridentitikan warisan Kelantan dengan menggunakan teknik epoxy?

1.4 **OBJEKTIF KAJIAN**

Kajian ini dijalankan untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh penceramah.

- I. Mengkaji permasalahan rekabentuk di masjid UMK.
- II. Mengkaji keistimewaan identiti warisan Kelantan.
- III. Mengkaji teknik epoxy terhadap perabot.
- IV. Menganalisis dan merekabentuk meja penceramah UMK beridentitikan warisan Kelantan dengan menggunakan teknik epoxy.

1.5 **KEPENTINGAN KAJIAN**

Kepentingan yang boleh diperoleh hasil daripada kajian ini adalah seperti berikut:

- I. Dapat mengetengahkan identiti warisan Kelantan.
- II. Dapat mengetengahkan penggunaan epoxy seiring dengan reka bentuk perabot beridentitikan warisan Kelantan.
- III. Maklumat daripada hasil kajian ini boleh dijadikan rujukan kepada pengkaji lain untuk mengkaji tajuk berkaitan warisan Kelantan ini.

1.6 **BATASAN KAJIAN**

Kajian ini dijalankan berdasarkan kepada beberapa batasan berikut:

- I. Fokus kajian adalah kepada skop warisan yang terdapat di Kelantan sahaja.
- II. Kajian yang dijalankan adalah berfokus kepada masjid UMK.
- III. Kajian ini adalah terhad kepada rekabentuk sahaja.

KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, suatu kajian itu dijalankan bertujuan untuk menyelesaikan suatu isi ataupun masalah yang telah wujud atau timbul. Berkonsepkan warisan Kelantan ini dapat menimbulkan rasa kesenian terhadap perabot dan dapat memartabatkan ciri-ciri warisan Kelantan yang semakin ditelan zaman. Dengan menggunakan teknik epoxy juga dapat menambah lagi kecantikan produk perabot jika ditambahkan dengan berkonsepkan warisan.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 PENGENALAN

Kajian literatur atau tinjauan kajian ialah sesuatu proses untuk mengkaji hasil karya yang pernah dilakukan terdahulu. Terdapat beberapa perkara yang perlu diambil kira bagi menjalankan kajian ini. Kajian literatur adalah salah satu perkara yang penting bagi memulakan kajian ini. Kajian literatur adalah satu pendahulu kajian dimana menerangkan atau menfokuskan tentang fakta dan teori bagi kajian ini daripada jurnal, buku-buku dan laman sensawang. Kajian literatur ini amat penting bertujuan memberikan petunjuk dan hala tuju mengenai penyelidikan yang akan dilakukan oleh pengkaji. Secara amnya, ia ditulis mengikut susunan subtopik tertentu dan kaedah yang dipegang oleh seseorang pengkaji. Terdapat dua elemen utama dalam kajian literatur iaitu kerangka teori dan juga kajian yang berkaitan berdasarkan sesuatu tajuk penyelidikan.


2.2 WARISAN KELANTAN

Menurut Noor Hayati (2014) "Warisan menjurus pada peninggalan-peninggalan berbentuk bangunan sama ada bangunan-bangunan yang dibina oleh nenek moyang kita yang terdahulu". Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. Warisan dimaksudkan dengan ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelmakan melalui objek budaya. Ia menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu. Menurut Fatihah Ayub (2015). "Warisan merupakan kumpulan etnik bumiputera di Malaysia yang kaya dengan nilai-nilai murni, adat serta tradisi bagi mengekalkan adat turut temurun khas buat generasi akan datang". Namun kajian ini pengkaji cuba mengetengahkan identiti warisan Kelantan ini dari aspek pembinaan perabot yang menjadi identiti utama warisan ini dikembangkan. Warisan terbahagi kepada tiga aspek iaitu alat muzik, senibina dan permainan. Warisan Kelantan ini semakin dilupakan kerana kebanyakkan kurang didedahkan secara mendalam tentang keistimewaannya.

2.3 JENIS-JENIS WARISAN KELANTAN

Warisan adalah sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikenalkan. Warisan dimaksudkan dengan ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelaskan melalui objek budaya. Ia menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu. Identiti warisan Kelantan seperti berikut iaitu alat muzik, senibina dan permainan.

2.3.1 ALAT MUZIK



Rajah 1: CANANG

Canang merupakan sejenis alat muzik dalam keluarga gong yang berukuran kecil. Berperanan sebagai alat 'penanda masa' dalam ensemble paluan tradisional. Canang disusun di atas para khas dan dipalu. Pemalu canang diperbuat daripada kayu. Bahagian yang dipalu ialah bahagian tombol canang. Canang dimainkan untuk mengiringi persembahan wayang kulit dan wayang Melayu.



Rajah 2: GEDUK IBU DAN ANAK

Geduk adalah sejenis gendang yang mempunyai dua muka. Muka geduk diperbuat daripada belulang lembu atau kerbau. Pada mulanya belulang diletakan pada badan geduk menggunakan perekat. Kemudian belulang itu dipancang dengan baji kayu atau besi dan dimainkan secara berpasangan iaitu pasangan geduk ibu dengan anak bagi mengiringi persembahan wayang kulit.



Rajah 3: SERUNAI


Serunai adalah sejenis alat muzik tradisi yang perlu ditupi apabila hendak membunyikannya. Alat tiupan ini mempunyai pipit berlapis-lapis. Badan serunai diperbuat daripada kayu keras dalam bentuk kun dengan bahagian bawahnya berbentuk loceng. Badan serunai mempunyai tujuh lubang memetik di belakang. Serunai digunakan untuk mengiringi wayang kulit dan gendang silat.



Rajah 4: REBANA UBI

Merupakan salah satu permainan tradisi masyarakat Kelantan. Cara permainannya ialah setiap rebana ubi akan dipukul oleh dua orang dan boleh dimainkan secara paluan atau dipukul dengan tangan.

2.3.2 SENIBINA



Rajah 1: RUMAH BUJANG

Jenis rumah ini adalah jenis rumah yang tidak asing di telinga masyarakat Kelantan, mengacu pada jenis rumah dengan atap berbentuk huruf "alif lam" terbalik. Bentuknya merupakan bangunan sederhana, dapat dilihat dari segi pembagian ruang dan bahan konstruksi.



Rajah 2: Kiasan Matahari, Ukiran Tebuk, Bumbung Pisang Sesikat

Melambangkan keceriaan kehidupan penghuninya. Tiba layar ini dipasang mengadap kiblat iaitu mengikut matahari jatuh dan terbit.



Rajah 3: ANDE-ANDE

Merupakan papan hiasan tebuk dan berukir yang terletak di cucuran atap secara mendatar. Bertujuan untuk menutup ujung kayu kasau.

2.3.3 PERMAINAN



Rajah 1: WAU BULAN

Permainan wau sebagai salah satu permainan tradisional di Kelantan. Terdapat banyak jenis wau seperti wau jala budi, wau kucing, wau merak, wau bulan dan lain-lain lagi.



Rajah 2: GASING

Terdapat dua jenis gasing yang biasanya dimainkan oleh masyarakat Kelantan iaitu Gasing Uri dan Gasing Pangkah. Gasing Uri dibuat daripada logam timah dan kayu merbau. Pakannya dibuat daripada besi dan kepalanya dibuat daripada tanduk kerbau supaya gasing itu lebih cantik. Manakala Gasing Pangkah pula diperbuat dari kayu.



Rajah 3: WAYANG KULIT

Wayang Kulit merupakan sejenis permainan tradisi masyarakat Kelantan,biasanya diadakan di bangsal atau panggung lengkap dengan kumpulan muzik serta patung-patung wayang kulit yang terdiri daripada pelbagai watak. Tok Dalang merupakan orang yang melakonkan atau menggerakkan patung-patung wayang kulit mengikut kisah cerita yang hendak dipertunjukkan. Kisah cerita dalam permainan wayang kulit asalnya dari epik Hindu tetapi kini telah diubahsuai dengan kebudayaan melayu tempatan.

2.4 INOVASI SEDIA ADA




RAJAH 2: MALAYSIA AIRLINES

Permainan tradisional ini telah diinovasikan di kapal terbang Malaysia Airlines dengan mengekalkan corak rekabentuk wau kucing.



Pintu Makam Diraja Kelantan,
Langgar, Kota Bharu,
Kelantan



Pintu besar dan hadapan Istana
Seri Akar, Kota Bharu,
Kelantan



RAJAH 4: PINTU GERBANG



RAJAH 5: PINTU

DIRAJA KELANTAN

PENGKALAN CHEPA

GERBANG KOTA

BHARU

Pintu makam diraja Kelantan telah diinovasikan di dua lokasi iaitu di hadapan lapangan terbang yang terletak di Pengkalan Chepa dan di bandar Kota Bharu Kelantan.



RAJAH 6: WAYANG KULIT



RAJAH: 7 ANIMASI WOKYOH

Watak wayang kulit telah diinovasikan menjadi animasi Wokyo bagi menarik minat golongan masyarakat untuk menonton watak tersebut agar tidak ditelan zaman.



RAJAH 8: MASJID KAMPUNG LAUT



RAJAH 9: MASJID UMK

Masjid Kampung Laut telah dibina pada tahun 1676 tanpa menggunakan sebarang paku dan menerapkan gabungan hiasan binaan dari tiga negara luar iaitu Maghribi, Yaman dan Turki. Menurut Fatihah Ayub (2015) "Motif seni bina ini dikatakan melambangkan ketuhanan dan alam semulajadi yang diterapkan pada bunga teratai". Masjid UMK ini telah ditubuhkan pada 14 Jun 2006 yang terletak Kampus Bachok, Kelantan Darul Naim. Masjid ini mampu menampung sebanyak 2000 jemaah dalam satu masa dan senibina ini diinovasikan daripada Masjid Kampung Laut.

2.5 MASJID UMK

Masjid Umk adalah tempat orang-orang Islam beribadah terutamanya mendirikan sembahyang dan tempat penyabaran ilmu pendidikan islam. Masjid ini telah ditubuhkan pada 14 Jun 2006 yang beralamat Universiti Malaysia Kelantan, Kampus bachok, Beg Berkunci 01, 16300 Bachok, Kelantan Darul Naim. Masjid ini mampu menampung sebanyak 2000 jemaah dalam satu masa dan bebas melakukan pelbagai aktiviti yang berkaitan dengan keagamaan islam. Masjid ini juga tempat mengadakan pendidikan Agama Islam dan pendidikan-pendidikan yang memberi faedah kepada ahli kariah yang beragama Islam dan tempat mengadakan sesuatu majlis perayaan yang berkaitan dengan Agama Islam.

Selain itu,tempat mengadakan syarahan atau ceramah agama oleh pensyarah atau penceramah yang dibenarkan oleh Majlis, Jabatan atau Pegawai Agama Islam daerah, mengikut mana yang berkenaan. Pusat penyebaran dakwah, maklumat, peraturan dan arahan daripada Majlis, Jabatan atau Pejabat Agama Islam Daerah dan tempat mengadakan mesyuarat atau perjumpaan berkenaan dengan perkara-perkara yang berkaitan dengan kegiatan keagamaan

dan apa-apa juga fungsi lain yang berkaitan dengan kegiatan agama Islam sebagaimana diluluskan oleh Majlis dari semasa ke semasa.

2.6 EPOXY

Epoxy adalah suatu bahan kimia dalam kategori resin atau gam yang dihasilkan melalui proses polimerisasi daripada epoxy. Kebiasaannya epoxy banyak digunakan sebagai bahan pelekat dan juga sebagai salutan. Kebiasaannya epoxy banyak digunakan sebagai bahan pelekat dan juga sebagai salutan. Menurut PT. WILMON BONA PERKASA (2013) terdapat beberapa jenis epoxy iaitu:

2.6.1 JENIS-JENIS EPOXY



Rajah 1: EPOXY FLOOR COATING

Epoxy Floor coating merupakan kombinasi antara epoxy resin yang direaksikan oleh polimer suatu kimia yang kuat pada kayu ataupun metal. Epoxy baik digunakan pada lantai pabrik, farmasi, pusat beli belah, industri makanan dan industri lainnya. Lantai yang dilapisi epoxy akan lebih bersih, tidak ada sambungan nat dan lebih kukuh.



Rajah 2: EPOXY MORTAR

- I. Sebagai perbaikan dan penyambungan keretakan pada permukaan lantai.
- II. Sebagai lapisan pada struktur beton yang rapuh.
- III. Sebagai penampal lubang pada permukaan lantai yang rosak.



Rajah 3: EPOXY PRIMER

Adalah pelekat antara epoxy coating dengan lantai kerja yang terdiri dari dua komponen iaitu epoxy clear dengan hardener.

- I. Sebagai pengikat dengan lantai dan cat.
- II. Untuk pengecatan diatas permukaan kramik
- III. Untuk pengecatan dipermukaan kayu.
- IV. Untuk permukaan di permukaan besi
- V. Mencegah terjadinya karat pada besi.
- VI. Sebagai anti bocor yang baik.



Rajah 4: EPOXY CLEAR

Ketahanan terhadap zat asam dan alkali. Terdiri dari 2 komponen iaitu epoxy resin dan polimed yang berbentuk liquid, dan berwarna transparan .

- I. Mempunyai daya tahan yang kuat khususnya menahan beban berat di permukaan cat.
- II. Sebagai penyambung dan perbaikan lantai yang retak.
- III. Sebagai penambal lantai yang berlubang.
- IV. Sebagai pelapis struktur dan konstruksi baja yang terkena percikan kimia (anti kimia).
- V. Mencegah karat pada besi.

2.7 MEJA PENCERAMAH

Manfaat Meja penceramah yang boleh Menentukan Prestasi penyampaian maklumat kepada Jemaah. Namun, tak sedikit seorang penceramah yang selalu mengalami masalah dalam penyampaian maklumat. Hal itu bisa disebabkan oleh beberapa faktor yang disebabkan dari suasana tempat yang digunakan untuk ceramah. Banyak orang yang belum mengetahui jika meja penceramah memiliki peranan yang sangat besar dalam membantu mencapai maklumat. Terdapat beberapa kepentingan pemilihan meja penceramah yang perlu dititikberatkan untuk penyampaian.

2.7.1 Memilih meja penceramah terbaik

Menurut Abdullah bin Mohamed (2012) rekabentuk dan corak dari meja penceramah merupakan hal yang utama. Warna-warna yang cerah juga menjadi pilihan untuk menentukan meja yang ingin dimiliki. Pilihan rekabentuk meja penceramah sesuai dengan keinginan bagi kesesuaian bagi hiasan dalaman masjid. Dengan memilih rekebentuk dan motif dapat meningkatkan semangat penceramah dalam menyampaikan ceramah.

Meja besar belum tentu baik untuk penceramah, sebaliknya, justru meja penceramah dengan ukuran yang lebih kecil atau minimalislah yang penceramah perlukan. Perhatikan dengan baik apa yang menjadi keperluan penceramah yang sebenarnya. Jaminan keselamatan merupakan jaminan utama ketika membeli sesuatu, termasuk penggunaan termasuklah meja penceramah. Kegunaan material dari meja penceramah yang dipilih. Kuat atau tidaknya meja tersebut terletak pada material yang digunakan dan jauhi memilih meja penceramah dengan material yang kurang berkualiti.

2.7.2 Penyampaian yang bersemangat

Sama seperti perkataan di atas, agar penceramah dapat tetap semangat, sebaiknya pilih meja penceramah yang sesuai dengan kepribadian atau ketertarikan jemaah secara pribadi. Boleh dengan rekabentuk dan motif natural, meja penceramah minimalis atau dengan corak berkaitan warisan dengan menggunakan meja penceramah yang sesuai dengan kepribadian, pekerjaan yang sedang dikerjakan akan terasa lebih mudah dan lebih semangat ketika mengerjakannya dan supaya kegiatan penceramah lebih fokus tanpa adanya gangguan atau pengalih perhatian, sebaiknya penceramah menggunakan ruangan khusus yang digunakan untuk penyampaian ilmu dan ceramah. Menurut Dhimas Ginanjar (2017) dengan menggunakan ruangan khusus ini, tentunya konsentrasi penceramah dapat ditingkatkan lebih maksimal. Masih banyak yang menganggap jika ceramah tetap efektif, meskipun dilakukan di mana saja. Pendapat tersebut mungkin benar, tetapi jika kegiatan ceramah didukung dengan sarana yang memadai, hal apapun yang sedang disampaikan pasti dapat dihasilkan secara maksimal.



2.8 REKABENTUK SEDIA ADA



RAJAH 1: SURAU KHAIRIAH



RAJAH 2: MASJID AL-ZAIRIZ



RAJAH 3: SURAU AL-ANSAR



RAJAH 4: SURAU AL-EMAN

2.9 Memilih meja penceramah terbaik

Menurut Abdullah bin Mohamed (2012) rekabentuk dan corak dari meja penceramah merupakan hal yang utama. Warna-warna yang cerah juga menjadi pilihan untuk menentukan meja yang ingin dimiliki. Pilihan rekabentuk meja penceramah sesuai dengan keinginan bagi kesesuaian bagi hiasan dalaman masjid. Dengan memilih rekebentuk dan motif dapat meningkatkan semangat penceramah dalam menyampaikan ceramah.

Meja besar belum tentu baik untuk penceramah, sebaliknya, justru meja penceramah dengan ukuran yang lebih kecil atau minimalislah yang penceramah perlukan. Perhatikan dengan baik apa yang menjadi keperluan penceramah yang sebenarnya. Jaminan keselamatan merupakan jaminan utama ketika membeli sesuatu, termasuk penggunaan termasuklah meja penceramah. Kegunaan material dari meja penceramah yang dipilih. Kuat atau tidaknya meja tersebut terletak pada material yang digunakan dan jauhi memilih meja penceramah dengan material yang kurang berkualiti.

2.10 JENIS BAHAN PEMBUATAN MEJA PENCERAMAH

2.10.1 Kayu

Meja penceramah yang diperbuat daripada kayu telah pun diketahui oleh semua orang kerana meja penceramah yang diperbuat daripada kayu sangat dekat dengan jiwa manusia. Hal ini kerana penggunaan bahan kayu telah pun tersebar meluas di Malaysia dan juga luar negara. Kayu yang digunakan perlulah kayu yang tahan lasak dan ringan. Ini bertujuan untuk mengelakkan daripada berlakunya pemasalahan meja penceramah mudah rosak dan juga patah. Kayu yang selalu digunakan adalah seperti chengal, nyatoh, medang hitam, meranti, sena, damar hitam, mersawa dan jati. Mohammad Anis Abdul Samad et. al (2018) menyatakan jenis kayu berbeza antara satu sama lain dari segi ketumpatan, kekuatan, dan ketahanan. Keunikan warna, urat dan bijirin kayu juga membawa kesan visual yang berbeza pada suatu spesies. Mengenai Cengal, ini adalah pilihan utama pengukir dan tukang tempatan, kerana kelebihan kayu ini terletak pada sifatnya yang keras, tetapi mudah diukir dan tidak mudah patah semasa proses membelah, mengetuk dan menebuk kayu. Setelah dipotong dan digosok, permukaannya akan berkilat. Cengal juga terkenal dengan sifat tahan lama dan tidak mudah dimusnahkan oleh kulat dan tidak mudah patah.

BAB 3

METODOLOGI KAJIAN


3.0 PENGENALAN

Kaedah kajian yang dilakukan oleh penyelidik dalam penyelidikan bertajuk “Rekabentuk meja penceramah di masjid beridentitikan budaya kelantan menggunakan teknik epoxy” Metodologi kajian merupakan kaedah yang pengkaji gunakan untuk menjalankan kajian. Metodologi kajian boleh dibahagikan kepada dua, iaitu data primer dan data sekunder. Dimana data primer merupakan data daripada kajian lapangan seperti kaedah pemerhatian dan temubual, manakala data sekunder merupakan data dari kajian perpustakaan seperti artikel, jurnal, internet dan juga rujukan teks. Pengkaji telah menggunakan kedua-dua data untuk mendapatkan maklumat mengenai kajian yang dijalankan. Dalam hal ini, kaedah pemerhatian telah dijalankan di kawasan pusat islam yang terletak di Universiti Malaysia Kelantan. Segala maklumat yang diperolehi sangat berguna untuk dapatkan akhir kajian yang akan membantu untuk menjayakan kajian ini.

3.1 Rekabentuk penyelidikan

Rekabentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk kualitatif. Dengan kaedah ini dapat memudahkan pengkaji untuk menganalisis data yang diterima. Kefahaman yang mendalam terhadap kajian adalah sangat penting bagi mengelakkan daripada terjadinya menganalisis data yang tiada kaitan dengan kajian yang dilakukan. Menurut Imam Gunawan (2015) kualitatif adalah bertujuan untuk mengembangkan konsep sensitivitas pada masalah yang dihadapi, menerangkan realitas yang berkaitan dengan penelusuran teori dari bawah (*grounded theory*) dan mengembangkan pemahaman akan satu atau lebih dari fenomena yang dihadapi.

3.2 KUALITATIF



Rajah: Carta Alir Metodologi (sumber : pengkaji)

3.3 Kaedah penyelidikan

Kaedah penyelidikan bertujuan untuk mengumpulkan artikel yang berkaitan dengan meja penceramah untuk dijadikan sebagai bahan rujukan. Antara kaedah penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji adalah pemerhatian, borang kaji selidik dan kaedah teks. Kaedah teks dilakukan melalui kaedah pembacaan bahan-bahan ilmiah yang berkaitan, melalui internet, tesis yang terdahulu dan banyak lagi bagi mendapatkan maklumat yang berkualiti bagi menjayakan kajian yang dilakukan oleh pengkaji. Kesemua kaedah ini dilakukan bertujuan untuk mendapatkan dan mengumpul maklumat yang boleh digunakan dan didaptasikan dalam laporan kajian.

3.3.1 Pemerhatian

Kaedah pemerhatian digunakan oleh pengkaji untuk membantu pengkaji dalam penganalisaan data. Kaedah ini dijalankan di pusat islam yang terletak di Universiti Malaysia Kelantan bagi mendapatkan lagi maklumat dengan tepat. Setiap pemerhatian yang dibuat adalah berdasarkan pengamatan yang dilihat menggunakan mata kasar jenis dan bagaimana meja penceramah digunakan. Oleh sebab terhadnya kedatangan para jemaah virus Covid-19, hal ini telah menghalang pengkaji untuk mengetahui lebih mendalam tentang para Jemaah di masjid.

3.3.2 Kaedah temubual

Kaedah temubual dijalankan oleh pengkaji akan menemubual Pengerusi Sari Chempaka Art Village iaitu Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa mengenai kesesuaian merekabentuk perabot meja penceramah dengan menggunakan teknik pembuatan epoxy. Dapatan Daripada temubual dengan pengerusi Sari Chempaka Art Village mendapat maklumat berkaitan dengan teknik pembuatan epoxy di meja penceramah dengan identiti budaya Kelantan.

3.3.3 Cadangan rekabentuk

Cadangan rekabentuk berkait rapat dengan penghasilan produk yang melibatkan berlakunya proses yang mana pada awalnya melibatkan pengumpulan data, permasalahan, rekabentuk konsep dan penghasilan produk. Rekabentuk ini telah diinovasikan dengan berkonsepkan tradisional dengan menggunakan identiti warisan Kelantan.

3.4 Rumusan

Secara keseluruhannya, bagi meninggalkan kesan yang baik pada kajian ini, pengkaji harus mengenal pasti metodologi kajian yang sesuai untuk dilakukan. Ini kerana, jika tersalah memilih di antara kualitatif dan kuantitatif ini mampu mencacatkan kajian yang dilakukan. Hal ini kerana, kualitatif dan kuantitatif merupakan dua jenis kajian yang berbeza. Jika pengkaji dapat memastikan kajian yang betul ini membolehkan pengkaji untuk menggunakan strategi kajian yang baik dan mampu memberi kajian yang terbaik.



BAB 4


DAPATAN DAN PERBINCANGAN

4.1 Peringkat Penyelidikan

Menerusi bab ini, kajian yang dijalankan ada menggunakan beberapa kaedah menerusi dua aspek iaitu kualitatif dan kuantitatif. Kaedah ini akan digunakan oleh pengkaji dalam menyempurnakan kajian. Kajian yang dijalankan adalah bertujuan untuk mendapatkan keputusan yang berdasarkan kepada objektif kajian yang telah pengkaji tetapkan. Kaedah yang telah digunakan adalah seperti kaedah temu bual, soal selidik, dan kaedah pemerhatian.

4.2 Analisis Pemerhatian

Kaedah pemerhatian telah digunakan oleh pengkaji bagi melengkapkan kajian yang telah dibuat. Pemerhatian yang dilakukan adalah di tempat kajian iaitu di pusat islam di masjid Universiti Malaysia Kelantan bertujuan untuk melihat kepenggunaan pengguna yang menggunakan meja penceramah bagi menyampaikan ceramah dan kesesuaian persekitaran dalaman masjid.



Rajah 4.2.1 Ruangan hadapan Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan

Selain itu juga pengkaji dapat mengenalpasti perabot yang sedia ada di setiap ruangan Pusat Islam. Hasil pemerhatian yang didapati adalah kebanyakan penceramah menggunakan meja penceramah dengan masa yang panjang. Ketiadaan meja penceramah tidak sesuai jika adanya sesi ceramah kerana akan mengganggu keselesaan penceramah bagi masa yang lama kerana penceramah akan merasa lenguh di bahagian kaki dan sakit di bahagian pinggul kerana berada dalam keadaan berdiri atau bersila.

4.3 Kaedah Temubual

Dalam melengkapkan kajian, pengkaji telah menebual beberapa responden yang dapat membantu untuk mengukuhkan kajian yang dibuat. Responden termasuklah daripada Ahli Jawatan Kuasa Pusat Islam iaitu Ustaz Nasaruddin bin Wan Nor dan pengurus Sari Chempaka Art Village iaitu En Aimanuddin di tempat latihan industri. Dalam kaedah temubual yang telah dilakukan, pengkaji telah menyediakan beberapa soalan yang berkaitan dengan keistimewaan meja penceramah beridentitikan warisan Kelantan. Segala pandangan dan juga pendapat yang telah dikemukakan oleh responden dapat digunakan bagi melengkapkan kajian ini.

Pengkaji telah mendapatkan maklumat yang kukuh serta terperinci daripada beberapa Jemaah masjid bagi mengambil dan mencatat pandangan yang diberi melalui sesi temubual dan

borang soal selidik. Pengkaji juga menemubual salah seorang individu yang berumur 26 tahun iaitu En Kamil bin Wan Zukiflie beliau merupakan seorang pelajar Universiti Malaysia Kelantan. Beliau merupakan Jemaah yang kerap menunaikan solat secara berjemaah di Pusat Islam. Pengkaji dapat mengetahui dengan lebih jelas tentang keperluan masjid ketika menjalankan aktiviti ceramah. Pengkaji telah menyediakan beberapa soalan terhadap individu yang sering mengikuti ceramah di Pusat Islam dan meminta beberapa pandangan bagi menambah idea pengkaji.

No	Soalan	Jawapan	
		Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa	Encik Muhammad Aimanuddin Bin Kasman
1	Apakah yang dimaksudkan dengan epoxy?	Epoxy adalah cecair yang mempunyai kepekatan yang jernih dan sifatnya boleh mengeras dan sesuai dijadikan pelbagai rekaan terutamanya perabot.	Epoxy merupakan sejenis cecair yang mengalir dan mempunyai pelbagai jenis warna mengikut keinginan pengguna. Epoxy ini dapat mengekalkan keaslian sesuatu benda seperti mengekalkan keaslian kayu jika disalutinya.
2	Jenis kayu apakah yang terdapat di Sari Chempaka Art Village ini?	Kayu yang menjadi tarikan pengguna seperti kayu Cengal tetapi terdapat juga kayu lain seperti kayu meranti dan lembusu.	Kayu yang sering digunakan adalah kayu cengal, meranti dan lembusu. Tetapi kayu cengal yang sering mendapat

			permintaan terutamanya di Janda Baik yang menjadi pelanggan utama di tempat ini.
3	Berapa lamakah masa yang diambil untuk membuat satu permukaan meja?	Epoxy ini mempunyai 2 jenis iaitu epoxy 005 ambil masa 24 jam. Epoxy 063 mengambil masa lebih kurang 30 minit untuk kering.	1. EPOXY 005 Mengambil masa sekurang-kurangnya selama 24 jam 2. EPOXY 063 Mengambil masa untuk mengeras selama 30 minit dan tidak menggunakan terlalu banyak hardener dan tidak terlalu sedikit.
4	Apakah alat <i>finishing</i> yang digunakan untuk mencantikkan sesebuah meja?	Alat yang menjadi keutamaan adalah <i>grender</i> kerana ia mempunyai banyak kegunaannya dan bebas menukar jenis mata yang dikehendaki.	Alat bagi <i>finishing</i> meja adalah mesin <i>grender</i> dan juga pengapit G dan F supaya material tidak bergerak semasa proses mencantikkan meja.
5	Selain pembuatan meja, produk apakah lagi yang sesuai untuk diterapkan penggunaan teknik epoxy?	Di sini kebanyakkan kita akan membuat perabot dan menerapkan teknik epoxy apa	Epoxy ini boleh dibuat dengan pelbagai benda seperti boleh dijadikan gelang tangan atau kaki,

		permukaan kayu untuk dijadikan dinding.	anting-anting, kerusi, lampu hiasan dan sebagai tempat letak pokok hiasan serta pelbagai jenis lagi kegunaannya.
--	--	---	--

UNIVERSITI
—
MALAYSIA
—
KELANTAN

4.4 Proses Rekabentuk


Peringkat 1	<ul style="list-style-type: none">• Lakaran Idea
Peringkat 2	<ul style="list-style-type: none">• Perbincangan idea dan lakaran• Menentukan keputusan rekaan akhir
Peringkat 3	<ul style="list-style-type: none">• Menggunakan perisian 3D untuk membuat model 3D• Membuat lukisan teknikal
Peringkat 4	<ul style="list-style-type: none">• Menghasilkan prototaip model
Peringkat 5	<ul style="list-style-type: none">• Pembentangan projek akhir

4.5 Lakaran Idea Awal


Merekabentuk meja penceramah yang beridentitikan warisan Kelantan merupakan objektif ketiga pengkaji. Bagi mencapai objektif tersebut, pengkaji melakukan fasa pembentukan lakaran idea bagi menggambarkan secara keseluruhan dan secara kasar dalam produk yang ingin dihasilkan. Pengkaji akan melakukan proses penghasilan lakaran iaitu lukisan secara ringkas dan pantas. Hal ini bertujuan untuk meluahkan idea tentang meja penceramah yang ingin dihasilkan secara kasar dan dilakukan secara ringkas. Selain daripada itu, dalam rekabentuk akhir ini pengkaji akan menerangkan rekabentuk meja penceramah yang dihasilkan serta fungsi yang terdapat dalam rekabentuk meja penceramah tersebut.

1) Lakaran Idea

Dalam menentukan ciri-ciri rekabentuk dalam sesuatu penghasilan produk yang berkaitan dengan objektif kajian, pengkaji melakukan lakaran idea dalam proses ini. Lakaran idea mempunyai fungsi dan peranannya dalam proses penghasilan produk. Lakaran merupakan cara yang terbaik untuk mengetahui konsep dengan pantas. Lakaran yang dihasilkan akan dipilih secara teliti mengikut keperluan ciri-ciri dalam aspek rekabentuk produk. Antaranya adalah dari segi pemilihan warna, ketahanan, pemilihan bahan yang ingin digunakan serta fungsi dan kegunaan sesuatu produk. Pengkaji telah membuat 20 lakaran idea sebelum produk akhir ditentukan.


IDEA 1

Rajah 4.5.1 Idea 1

IDEA 2


Rajah 4.5.2 Idea 2

IDEA 3




Rajah 4.5.3 Idea 3


IDEA 4



Rajah 4.5.4 Idea 4




Rajah 4.5.5 Idea 5




Rajah 4.5.6 Idea 6


UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN




Rajah 4.5.7 Idea 7




Rajah 4.5.8 Idea 8




Rajah 4.5.9 Idea 9




Rajah 4.5.10 Idea 10




Rajah 4.5.11 Idea 11




Rajah 4.5.12 Idea 12




Rajah 4.5.13 Idea 13




Rajah 4.5.14 Idea 14




Rajah 4.5.15 Idea 15




Rajah 4.5.16 Idea 16




Rajah 4.5.17 Idea 17



Rajah 4.5.18 Idea 18



Rajah 4.5.19 Idea 19




Rajah 4.5.20 Idea 20

4.6 Perkembangan Idea dan Produk Akhir

Perkembangan idea dalam rekabentuk merupakan hasil idea ketika proses penyelesaian masalah. Pemilihan lakaran akan dilakukan dalam perkembangan idea. Apabila lakaran idea telah dihasilkan mengenai rekabentuk meja penceramah di Pusat Islam Universiti Malaysia Kelantan. Pemilihan rekabentuk akhir produk perlu dipilih untuk pengkaji menghasilkan produk akhir. Ketahanan produk perlulah berdasarkan kepada pemilihan jenis bahan untuk ketahanan produk yang lama. Selain itu juga, fungsi sesuatu produk juga perlu dititikberatkan.


Perkembangan Idea 1



Rajah 4.6.1 Perkembangan idea 1

Gambar di atas merupakan satu lakaran idea pertama yang dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan lakaran yang dilukis oleh pengkaji adalah menunjukkan satu rekabentuk meja penceramah daripada pengaruh senibina Kelantan iaitu pemeleh dan kiasan matahari yang mempunyai konsep yang berdasarkan situasi yang di hadapi oleh penceramah di Pusat Islam.

Perkembangan Idea 2




Rajah 4.6.2 Perkembangan idea 2

Gambar di atas menunjukkan lakaran meja penceramah daripada konsep pemeleh dan kiasan matahari. Konsep rekabentuk ini menerapkan konsep yang boleh diubahsuaikan mengikut kehendak dan situasi yang dihadapi oleh penceramah.

MALAYSIA
KELANTAN


Perkembangan Idea 3



Rajah 4.6.3 Perkembangan idea 3

Lakaran di atas menunjukkan perkembangan idea meja penceramah daripada pengaruh senibina cucuk langit dan dibahagian atas meja penceramah tersebut digabung dan berbentuk seakan-akan bintang.


Perkembangan Idea 4



Rajah 4.6.4 Perkembangan idea 4

Gambar di atas menunjukkan perkembangn idea yang dikembangkan daripada perkembangan cucuk langit. Konsep yang sama tetapi pengkaji memudahkan cara untuk mengubah suaikan dengan meletakkan bahagian permukaan kecil di bawah meja penceramah tersebut bagi memudahkan penyimpanan barang kecil.

Perkembangan Idea 5




Rajah 4.6.5 Perkembangan idea 5

Lakaran di dalam gambar di atas adalah satu perkembangan idea daripada hiasan bumbung dalam masjid kampung laut yang unik dan menarik perhatian pengkaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


Perkembangan Idea 6



Rajah 4.6.6 Perkembangan idea 6

Gambar di atas merupakan satu lakaran idea pertama yang dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan lakaran yang dilukis oleh pengkaji adalah menunjukkan satu rekabentuk meja penceramah daripada pengaruh senibina Kelantan iaitu hiasan bumbung dalam masjid kampung laut yang unik dan menarik perhatian pengkaji.yang mempunyai konsep yang berdasarkan situasi yang di hadapi oleh penceramah di Pusat Islam.


Perkembangan Idea 7



Rajah 4.6.7 Perkembangan idea 7

Gambar di atas merupakan satu lakaran idea yang dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan lakaran yang dilukis oleh pengkaji adalah menunjukkan satu rekabentuk meja penceramah daripada pengaruh permainan wau bulan yang unik dan menarik perhatian pengkaji yang mempunyai konsep yang berdasarkan situasi yang di hadapi oleh penceramah di Pusat Islam.


Perkembangan Idea 8



Rajah 4.6.8 Perkembangan idea 8

Gambar di atas merupakan satu lakaran idea yang dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan lakaran yang dilukis oleh pengkaji adalah menunjukkan satu rekabentuk meja penceramah daripada pengaruh daripada permainan wau bulan yang menjadi lambang kemegahan permainan tradisional di Kelantan.


Perkembangan Idea 9



Rajah 4.6.9 Perkembangan idea 9

Gambar di atas merupakan satu lakaran idea yang dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan lakaran yang dilukis oleh pengkaji adalah menunjukkan satu rekabentuk meja penceramah daripada pengaruh senibina Kelantan iaitu pintu gerbang janda berhias yang mempunyai rekabentuk yang unik dan menarik perhatian pengkaji.

Perkembangan Idea 10




Rajah 4.6.10 Perkembangan idea 10

Gambar di atas merupakan satu lakaran idea yang dipilih oleh pengkaji. Berdasarkan lakaran yang dilukis oleh pengkaji adalah menunjukkan satu rekabentuk meja penceramah daripada pengaruh senibina Kelantan iaitu pintu gerbang janda berhias yang mempunyai rekabentuk yang unik dan menarik perhatian pengkaji.

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN


4.7 Lukisan Teknikal



Rajah 4.7.1 Lukisan teknikal

Lukisan teknikal merupakan bahagian yang paling dalam penghasilan sesuatu rekabentuk. Dalam penghasilan rekabentuk menggunakan teknik lukisan teknikal, pengkaji menggunakan empat sudut pandangan di dalam lukisannya. Pandangan tersebut adalah pandangan isometrik, pandangan sisi, pandangan atas dan juga pandangan depan. Hal ini demikian kerana pengkaji ingin menunjukkan sesuatu rekabentuk yang dihasilkan melalui lukisan teknikal ini secara jelas dan menyeluruh. Dalam lukisan teknikal yang dihasilkan, informasi seperti ukuran saiz sebenar telah diletakkan di setiap bahagian yang wujud pada rekabentuk yang dihasilkan.

4.8 Model 3D



Rajah 4.8.1 Pembangunan model 3D menggunakan perisian Solidwork



Rajah 4.8.2 Menggunakan perisian Keyshot untuk meletakkan kemasan pada produk.

4.9 CARA PEMBUATAN MEJA PENCERAMAH EPOXY



Rajah 4.9.1 : Menunjukkan material batang kayu yang telah siap dipotong mengikut ukuran tanggam yang dikehendaki.



Rajah 4.9.2 : Menunjukkan proses pencantuman kaki meja penceramah yang berkonseptan tangggam.



Rajah 4.9.3 : Menunjukkan kaki meja penceramah yang telah siap dipasang dan dibuat kekemasan bagi menampakkan lagi kecantikan produk.



Rajah 4.9.4 : Menunjukkan proses bahagian atas meja penceramah yang dalam pencantuman.



Rajah 4.9.5 : Menunjukkan proses bahagian atas meja penceramah yang dalam pencantuman.



Rajah 4.9.4 : Menunjukkan bahagian atas meja penceramah yang dalam proses ditebuk.




Rajah 4.9.5: Peralatan yang diperlukan dalam menghasilkan meja epoxy seperti jag yang mempunyai ukuran liter bagi memudahkan sukatan cecair epoxy, solitip cerah bagi menampalkan permukaan rata untuk diletakkan kayu manakala lidi pula untuk mengambil benda asing yang melekat di permukaan epoxy selepas proses menuang cecair epoxy.



Rajah 4.9.6: Teknik menuang cecair iaitu resin sebanyak 1 liter botol yang berwarna putih terlebih dahulu ke dalam bekas yang disediakan dan memasukkan hardener sebanyak setengah liter botol penutup yang berwarna merah. Jika tersalah sekatan sebagai contoh terlebih harderner maka ia akan cepat mengeras dan akan menjadi panas kerana sifat epoxy ini jikalau tahap ingin mencapai kering atas keras ia akan mengeluarkan wap panas. Manakala jika terlebih resin ia akan mengambil masa yang lama untuk keras. Epoxy yang mempunyai kod 005 mengambil masa sekurang-kurangnya selama 24 jam manakala epoxy kod 063 mengambil masa untuk mengeras selama 30 minit dan tidak menggunakan terlalu banyak hardener dan tidak terlalu sedikit.



Rajah 4.9.7: Menunjukkan setelah sekatan resin dan harderner mencukupi mengikut sukatan maka ia akan dicampur ke dalam satu bekas yang lebih besar.



Rajah 4.9.8: Menunjukkan setelah resin dan harderner dicampurkan ia akan dikacau hingga ia betul-betul sebatی sekurang-kurangnya mengambil masa selama 8 minit manakala jika menggunakan mesin pengacau ia mengambil masa lebih daripada separuh iaitu selama 4 minit sahaja bergantung kepada kepekatan dan kecampuran bahan.



Rajah 4.9.9: Menunjukkan kayu yang sudah rata diketam atau digosok dan dibersihkan permukaan menjadi licin menggunakan kertas pasir. Solitip cerah ditampal di bahagian bawah bagi mengelakkan cecair epoxy melekat di bahagian permukaan bawah dan di bahagian tepi dilekatkan solicon bagi menutup ruang udara bagi mengelakkan cecair epoxy keluar bagi mengelakkan pembaziran dan yang paling penting keseluruhan bahan yang ingin dituang cecair epoxy haruslah benar-benar bersih daripada segala kotoran habuk atau benda asing.



Rajah 4.9.10: Menunjukkan cecair epoxy dituang secara perlahan-lahan di atas permukaan yang bersih bagi mengelakkan ketidakserataan cecair tersebut.



Rajah 4.9.11: Menunjukkan bahagian atas meja penceramah telah dituangkan epoxy dalam keadaan rata dan diletakkan sebatang kayu kecil untuk menekan bahagian tengah kayu bagi mengelakkan permukaan kayu dalam keadaan tidak rata.



Rajah 4.9.12: Papan atas meja penceramah yang telah dituangkan epoxy dan bermukaannya telah kering namun akan ade sedikit kecacatan iaitu akan menimbulkan buih-buih kerana dalam material kayu mengandungi rongga-rongga atau lubang yang akan menghasilkan buih.



Rajah 4.9.13: Menunjukkan permukaan papan epoxy yang telah digosok bagi menghilangkan buih-buih yang mencacatkan permukaan.



Rajah 4.9.14 : Menunjukkan papan epoxy yang telah dibersihkan sepenuhnya daripada terkena debu dan sebarang kotoran.

4.10 MOCKUP DAN MODEL MEJA PENCERAMAH



Rajah 4.10.1 Mockup

Apabila kajian penyelidikan selesai di kaji, pengkaji telah membangunkan prototaip sebuah rekabentuk meja penceramah mengikut keperluan dan kehendak pengguna dengan berdasarkan objektif yang telah ditetapkan. Dalam pembikinan sebenar produk, pengkaji menggunakan lapisan epoxy pada bahagian permukaan atas produk bagi meningkatkan lagi kekemasan produk meja penceramah. Kemudian, bagi mengukuhkan struktur kaki meja tersebut pengkaji menggunakan teknik tanggam yang mana produk ini tidak menggunakan sebarang paku atau skru. Teknik tanggam ini kalau dikaji lebih mendalam ia lebih kuat daripada teknik menggunakan skru dan mengekalkan struktur kayu daripada terluka atau rosak. Pengkaji menggunakan bahan jenis kayu cengal yang mana kayu ini sangat terkenal dengan kekuatannya berbanding kayu di pasaran yang sangat mudah didapati.




Rajah 4.10.2 Penghasilan model meja penceramah beridentitikan warisan Kelantan pengaruh daripada pintu gerbang janda berhias.


4.11 Kaedah Soal Selidik

Pengkaji juga telah menggunakan kaedah soal selidik bagi mengukuhkan lagi kajian yang dikaji. Pengkaji telah menggunakan 51 orang responden yang telah mengetahui kegunaan dan keistimewaan meja penceramah jika diterapkan dengan identiti warisan Kelantan. Borang selidik yang telah diedarkan melalui *google form* adalah meliputi dari segi kepelbagaiannya peringkat umur dan juga jantina. Melalui kaedah ini, responden yang telah diberikan borang selidik didapati bersetuju meja identiti warisan Kelantan sangat penting diterapkan di perabot terutamanya meja penceramah.


Demografi Responden




Rajah 4.11.1 Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan Jantina lelaki sebanyak 68.6% seramai 37 orang dan perempuan sebanyak 31.4% seramai 16 orang yang menjawab soalan kaji selidik ini. Rajah 4.3.2 : Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan umur 18-25 tahun banyak 75.5% mewakili seramai 40 orang, 26-35 sebanyak 22.6% seramai 12 orang, 36-45 sebanyak 1.9% seramai 1 orang dan 46 tahun keatas tidak memiliki responden kerana ahli Jemaah Pusat Islam kebanyakkan dikunjungi oleh golongan muda yang masih belajar.



Rajah 4.11.2 : Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan umur 18-25 tahun banyak 75.5% mewakili seramai 40 orang, 26-35 sebanyak 22.6% seramai 12 orang, 36-45 sebanyak 1.9% seramai 1 orang dan 46 tahun keatas tidak memiliki responden kerana ahli Jemaah Pusat Islam kebanyakkan dikunjungi oleh golongan muda yang masih belajar.




Rajah 4.11.3: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan bangsa bangsa melayu banyak 86.8% seramai 46 orang, bangsa cina sebanyak 7.5% seramai 4 orang, bangsa india sebanyak 1.9% seramai 1 orang dan lain-lain bangsa sebanyak 3.8% seramai 2 orang. Ini kerana UMK kebanyakannya penuntut ramai yang berbangsa Melayu.



Rajah 4.11.4: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan Pengetahuan apa itu meja penceramah sebanyak 78.8% seramai 41 orang yang sangat mengetahuinya, 15.4% seramai 8 orang yang mengetahui mengenai meja penceramah, 3.8% seramai 2 orang yang agak mengetahuinya, 1.9% seramai 1 orang kurang mengetahui dan 0% seramai 0 orang yang tidak mengetahui apa itu meja penceramah. Maka disini jelaslah kebanyakannya amat mengetahui apa itu meja penceramah kerana responden sering mengunjungi pusat ibadah dan masjid untuk menunaikan solat.

Adakah anda mengetahui apa itu warisan?


53 responses



Rajah 4.11.5: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan apa itu warisan sebanyak 96.2% seramai 51 orang yang mengatakan YA manakala yang mengatakan TIDAK banyak 3.8% seramai 2 orang.

Antara berikut indentiti Warisan Melayu Kelantan manakah yang anda ketahui?

53 responses



Rajah 4.11.6: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan pengetahuan identiti warisan Kelantan. Sebanyak 9.4% seramai 5 orang yang mengetahui alat muzik gendang. Sebanyak 3.8% seramai 2 orang yang mengetahui alat muzik gong. Sebanyak 37.7% seramai 20 orang yang mengetahui permainan wau bulan. Sebanyak 9.4% seramai 5 orang yang mengetahui permainan wayang kulit. Sebanyak 5.7% seramai 3 orang yang mengetahui permainan congkak. Sebanyak 5.7% seramai 3 orang yang mengetahui senibina kiasan matahari dan sebanyak 28.3% seramai 15 orang yang mengetahui senibina pintu gerbang janda berhias.

Rekabentuk meja penceramah manakah yang anda minati?


53 responses



Rajah 4.11.7: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan minat terhadap rekabentuk meja penceramah. Sebanyak 32.1% mewakili 17 orang yang meminati rekabentuk meja penceramah pengaruh senibina pemelel. Sebanyak 7.5% mewakili 5 orang yang meminati rekabentuk meja penceramah pengaruh senibina kiasan matahari dan sebanyak 60.4% mewakili 32 orang yang meminati rekabentuk meja penceramah pengaruh senibina janda berhias. Maka jelaslah senibina janda berhias yang paling mendapat permintaan tinggi bagi meja penceramah ini.

Adakah dengan penerapan motif indentiti Warisan Melayu Kelantan dimasjid Universiti Malaysia Kelantan dapat memberi kesinambungan pada rekabentuk masjid dan perabot?

53 responses



Rajah 4.11.8: Peratusan bilangan 53 responden berdasarkan kesinambungan motif warisan Kelantan dengan rekabentuk masjid. Sebanyak 92.5% seramai 42 orang yang mengatakan YA dan sebanyak 7.5% seramai 4 orang yang mengatakan TIDAK. Maka jelaslah ramai yang bersetuju dengan penerapan motif warisan Kelantan di Pusat Islam UMK.

4.12 Analisis SWOT

Kekuatan

Rekabentuk meja penceramah yang menarik dan sangat fleksibel mengikut situasi keadaan pengguna. Hal ini demikian kerana meja penceramah direka dengan menggunakan material epoxy yang mana epoxy ini berfungsi mengekalkan keaslian permukaan kayu dan mempunyai permukaan yang licin dan berkilau. Pengguna sesuai untuk menjalankan aktiviti penceramahan dalam masa yang lama kerana rekaannya yang sangat selesa dan menarik.

Kelemahan

Mengikut aspek kelemahan pula, meja penceramah tidak sesuai digunakan untuk menghidangkan sarapan kerana tidak mempunyai permukaan yang luas dan hanya semata-mata sesuai untuk kegunaan penceramah.

Peluang

Peluang terhadap kajian ini dapat dilihat ketika pengkaji mengkaji secara keseluruhan tentang rekabentuk meja penceramah. Dari aspek bahan yang dipilih ianya sangat agak susah dicari seperti kayu cengal yang tebal dan nilai harga epoxy yang agak mahal. Selain itu meja penceramah ini sangat berbeza dengan meja penceramah sebelumnya kerana ia hanya direka dengan mengikut bentuk yang sedia ada berbanding rekabentuk pengkaji yang menerapkan identiti warisan dan digabungkan dengan gaya moden seperti memasukkan material epoxy bagi mencantikkan permukaan meja tersebut. Meja penceramah yang mempunyai pelbagai fungsi yang baik juga dapat dilihat peluang yang besar untuk dimasukkan kedalam pasaran pada masa kini kerana ianya mempunyai daya tarikan yang menarik.

Ancaman

Ancaman yang mungkin akan datang adalah terhadap bahan rekabentuk kerusi ini mungkin mengalami peningkatan kos bahan mentah disebabkan masalah ekonomi negara. Selain daripada itu masalah yang mungkin akan timbul adalah pesaing mungkin akan memilih rekabentuk yang hampir serupa dengan sentuhan kontemporari yang telah diletakkan oleh pengkaji.

4.13 Rumusan

Sebagai kesimpulannya, bab ini menerangkan tentang proses analisis data. Proses ini adalah sangat penting dalam menghasilkan sesuatu kajian penyelidikan yang kukuh. Setiap kaedah yang digunakan adalah peranan yang sangat penting. Setelah dapatkan kajian dapat dikaji dan diolah, pengkaji akan dapat berupaya untuk menghasilkan sebuah produk akhir berdasarkan dapanan kajian yang telah dikaji mengikut objektif yang telah ditetapkan. Setiap produk yang telah dihasilkan perlukan memenuhi kehendak dan keperluan pengguna.

BAB 5

KESIMPULAN

5.1 Pengenalan

Pada bahagian ini, pengkaji akan memberikan satu gambaran secara menyeluruh dengan ringkas tentang kajian yang dikaji dan membuat satu kesimpulan tentang dapatan hasil kajian yang telah dikaji. Selain daripada itu, pengkaji juga akan sertakan beberapa cadangan untuk meningkatkan sesuatu produk untuk kepentingan pengguna bagi memenuhi kehendak dan keperluan pengguna.

5.2 Cadangan dan Penambahbaikan

Berdasarkan hasil kajian yang telah dikaji, pengkaji dapat mengenalpasti beberapa cadangan untuk menambahbaikkan produk yang telah dihasilkan. Hal ini dapat meningkatkan produktiviti sesuatu produk yang telah dihasilkan.

Cadangan yang telah dikenalpasti adalah sesuatu rekabentuk produk yang dihasilkan boleh menambah sesuatu fungsi seperti mengubah bahagian kaki dengan material besi yang mana pada asalnya pengkaji menggunakan keseluruhan meja penceramah dengan material kayu. Selain daripada itu, dari segi pemilihan warna juga boleh dipelbagaikan mengikut citarasa pembeli. Menurut Nasaruddin bin Rahman (2021). corak atau bentuk warisan sesuai di mananya produk.

5.3 Hasil kajian

Berikut merupakan hasil dapatan kajian yang berdasarkan terhadap 4 objektif yang telah ditetapkan oleh pengkaji :

1) Mengkaji permasalahan rekabentuk di masjid UMK.

Meja penceramah merupakan satu perabot yang sangat penting terhadap sesuatu ruang yang besar terutamanya di tempat-tempat di dalam masjid kerana mempunyai peranan yang sangat penting kepada penceramah untuk sesi aktiviti ceramah yang akan dijalankan. Dalam kajian berdasarkan objektif ini, pengkaji dapat mengenalpasti beberapa masalah yang telah dihadapi oleh penceramah ketika mereka tidak disediakan meja penceramah semasa ceramah berlangsung. Berdasarkan hasil daripada soal selidik, pengkaji dapat mengenalpasti bahawa meja penceramah tidak disediakan oleh pusat islam di UMK. Penceramah akan berasa tidak selesa dan lenguh badan dan kaki apabila mereka menjalankan aktiviti ceramah tanpa menggunakan meja penceramah dan hanya sekadar duduk atau bersila semasa menjalankan ceramah dalam masa yang lama.

2) Mengkaji keistimewaan identiti warisan Kelantan.

Identiti warisan adalah sesuatu yang diwarisi dari generasi yang terdahulu. Ia merupakan khazanah negara yang pernah atau sedang dimiliki oleh seseorang atau sesuatu kelompok masyarakat atau manusia sejagat yang menjadi tanggungjawab bersama untuk dilindungi dan dikekalkan. Warisan dimaksudkan dengan ilmu, pengetahuan dan kepakaran yang diwariskan kepada kita melalui cara hidup, kepercayaan yang dijelaskan melalui objek budaya. Ia menggambarkan memori keseluruhan hidup masyarakat serta melambangkan ketamadunan sesuatu masyarakat itu. Identiti warisan Kelantan seperti berikut iaitu alat muzik, senibina dan permainan.

3) Mengkaji teknik epoxy terhadap perabot.

Teknik pembuatan meja penceramah menggunakan epoxy mempunyai banyak cara penghasilannya terutamanya memerlukan kualiti epoxy yang baik. Terdapat banyak alatan yang diperlukan terlebih dahulu seperti sarung tangan getah pakai buang, jag mempunyai ukuran liter, pemotong api dan gas, silicon, solitip jernih, lidi buluh dan bekas baldi. Tekniknya memerlukan banyak kesabaran kerana epoxy mempunyai masa yang agak lama untuk kering dan amat susah dalam penjagaannya. Menurut Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa (2021). Tanggam kekuatannya lebih kuat berbanding menggunakan skru atau paku. Namun penggunaan tanggam menjadi kemegahan sesebuah produk kerana tidak semua orang mampu membuatnya.

4) Menganalisis dan merekabentuk meja penceramah UMK beridentitikan warisan Kelantan dengan menggunakan teknik epoxy.

Melalui kajian yang telah dijalankan, meja penceramah dihasilkan yang berfungsi untuk pengguna boleh digunakan sama ada pada masa yang pendek mahupun yang panjang. Kepenggunaan meja penceramah tersebut sangat fleksibel mengikut situasi yang menitikberatkan keergonomik pengguna untuk menjalankan aktiviti ceramah serta mempunyai permukaan yang sangat selesa untuk merehatkan anggota badan seperti tangan bagi membaca kitab semasa ceramah. Menurut Muhammad Aimanuddin Bin Kasman (2021). Keistimewaan epoxy dia dapat mengekalkan corak kayu dalam masa berpuluh-puluh tahun.

RUJUKAN

BIBLIOGRAFI

INTERNET

Abdullah bin Mohamed, (oktober 9,2012), Pengkaji sejarah Kelantan yang terkenal.

<https://sejarahkelantan.wordpress.com/tag/pengkaji-sejarah/>

Imam Gunawan (2015). “ Metode Penelitian Kualitatif”.

http://fip.um.ac.id/wp-content/uploads/2015/12/3_Metpen-Kualitatif.pdf

Dhimas Ginanjar, (14 Februari 2017). “5 Manfaat Meja Belajar yang Bisa Menentukan Penentu Prestasi”.

https://www-jawapos-com.cdn.ampproject.org/v/s/www.jawapos.com/lifestyle/14/02/2017/5-manfaat-meja-belajar-yang-bisa-menentukan-penentu-prestasi/?amp_js_v=a6&_gsa=1&&usqp=mq331AQHKAFQArABIA%3D%3D#aoh=16102856391402&csi=1&referrer=https%3A%2F%2Fwww.google.com&_tf=From%20%251%24s&share=https%3A%2F%2Fwww.jawapos.com%2Flifestyle%2F14%2F02%2F2017%2F5-manfaat-meja-belajar-yang-bisa-menentukan-penentu-prestasi%2F

Mohammad Anis Bin Abdul Samad & Zuliskandar Ramli (2014). “Bentuk Dan Hiasan meja: Satu Tinjauan Umum”.

https://www.researchgate.net/publication/305291485_Bentuk_hiasan_rmeja_satu_tinja_uan_umum

PT. WILMON BONA PERKASA (2013). "Apa itu Epoxy"

<http://www.finishingfloorhardener.com/2015/06/apa-itu-epoxy.html?m=1>

Noor Hayati (2014). "Budaya Bangsa"

<https://www.slideshare.net/atinhm/budaya-bangsa-yaya>

Fatin Rozaini (2015). "Masjid kampung laut"

<http://nurulfatihahayub.blogspot.com/2015/03/masjid-kampung-laut.html>

Temubual

1. Ybhg. Prof. Dato' Dr. Mohamed Najib Ahmad Dawa (2021). "Tanggam kekuatannya lebih kuat berbanding menggunakan skru atau paku"
2. Encik Muhammad Aimanuddin Bin Kasman (2021). "keistimewaan epoxy dia dapat mengekalkan corak kayu dalam masa berpuluhan-puluhan tahun"
3. Encik Nasaruddin bin Rahman (2021) " corak atau bentuk warisan sesuai di mana-mana produk"

Panel

JANDO
by KHAIDIL BIN ISMAIL

DESIGN STATEMENT
Inspired by a Janda berhias, speaker tables are used to deliver talks especially to Muslims in mosques as well as in halls. this table can make it easier for the speaker to convey information comfortably over a long period of time.

PROBLEM STATEMENT

- I. Furniture design in Kelantan now does not reflect the identity of Kelantan's heritage.
- II. Special furniture needs for speakers to deliver daily lectures or weekly lectures at the mosque.
- III. Lack of exposure on design techniques using epoxy that can be applied in furniture design

OBJECTIVES

- I. Studying design problems in UMK mosques.
- II. Studying the uniqueness of Kelantan's heritage identity.
- III. Studying epoxy techniques on furniture.
- IV. Analyze and design UMK speaker table with Kelantan heritage identity by using epoxy technique.

DESIGN FEATURES

Dimension (mm) :	1100W x 600D x 750H
Material :	Cengal Wood
Finishing :	Teak oil
Colour :	

TARGET USER
The design target is to the mosque committee, especially the umk islamic center.

INFLUENCE JANDA BERHIAS

MORTISE

EPOXY

UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN